

**KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN
LEMBAGA PENGURUSAN MPC (BOM)**

TAJUK	Pengiktirafan Organisasi Sektor Pembuatan, Perkhidmatan dan Pembinaan Menggunakan Alat Pengukuran Produktiviti
TARIKH/ GARIS MASA	Julai – Oktober 2022
TUJUAN & LATAR BELAKANG	i) Program Pengiktirafan organisasi melibatkan sektor pembuatan, perkhidmatan dan juga pembinaan yang menggunakan alat pengukuran produktiviti ii) Penganjuran program ini adalah salah satu inisiatif MPC sebagai satu aktiviti bagi memenuhi keperluan kemahiran oleh industri yang sentiasa berubah dan menghadapi perubahan teknologi yang pesat. iii) Selain itu, antara pendekatan yang digunakan adalah dengan membuat penilaian sendiri melalui alat penilaian sendiri, ezBE. Ianya memberikan penilaian pantas tentang amalan cemerlang organisasi. iv) Empat aspek penilaian ialah Strategi & Kepimpinan, Pengurusan Bakat, Kecemerlangan Operasi dan Pengalaman Pelanggan & Produk. v) Dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan pula, inisiatif yang diperkenalkan adalah PRODUKTIVITI1010 bagi membantu organisasi memulakan perjalanan pendigitalan. vi) Ianya bagi membolehkan syarikat untuk menyemak sendiri ketersediaan pendigitalan dengan menggunakan Alat Diagnostik Pendigitalan Kendiri serta membantu syarikat untuk mendigitalkan proses pembuatan yang didasarkan berdasarkan projek bukti konsep melalui latihan dan penglibatan di lapangan.
JUSTIFIKASI	i) Program Pengiktirafan akan melibatkan 40 penyertaan organisasi daripada sektor pembuatan, perkhidmatan, pembinaan dan lain-lain. ii) Platform perkongsian secara atas talian berkenaan ezBE dan P1010 dan beberapa program promosi dilaksanakan melibatkan pemain industri. iii) Program ini akan bekerjasama dengan Champion Nexus.

KAEDAH PELAKSANAAN	i) Program Pengiktirafan akan dijalankan secara fizikal selama 2 hari ii) Program-program promosi akan dijalankan secara atas talian menerusi perkongsian webinar. iii) Aktiviti-aktiviti program dijadualkan akan berlangsung dari Julai – Oktober 2022.
STAKEHOLDERS/PIHAK BERKEPENTINGAN	1. Kementerian/ Agensi 2. Pemain Industri 3. Persatuan-persatuan Industri
JANGKAAN HASIL/ OUTCOME	Peningkatan produktiviti dan pertumbuhan ekonomi Negara bagi kesejahteraan dan kemakmuran bersama.
JANGKAAN OUTPUT	42 organisasi/ syarikat yang diiktiraf dari pelbagai sektor dalam industri. Penyertaan organisasi dari pelbagai sektor untuk program perkongsian amalan terbaik secara atas talian.
KUMPULAN SASAR	5 sektor utama dalam industri iaitu sektor pembuatan, perkhidmatan, pembinaan, pertanian, perlombongan dan juga sektor pengkuarian.
SUMBER BAJET/ KOS	Bajet Pembangunan (SPC 2.0) = RM100,000.00
HASIL (RM) - SEKIRANYA ADA	TIADA
SYOR	Memohon pertimbangan BOM bagi cadangan: ➤ Meluluskan pelaksanaan Pengiktirafan Organisasi Sektor Pembuatan, Perkhidmatan dan Pembinaan Menggunakan Alat Pengukuran Produktiviti ➤ Meluluskan penggunaan bajet SPC 2.0 untuk program berkenaan.
UNIT/ BAHAGIAN	Seksyen Pembangunan Bakat/ DGO

Hanya untuk permohonan yang menggunakan Bajet Pembangunan dari Unit/Bahagian lain.
Kolum ini boleh diabaikan sekiranya tidak berkaitan.


DISOKONG OLEH:

DR. MOHAMAD NORJAYADI TAMAM

Jawatan: PENGARAH

Nama Bajet: SPC 2.0

Tarikh: 19 JULAI 2022

**Wajib diisi	**Wajib diisi	Permohonan memadai disemak sehingga peringkat Penyelia. Kolum ini boleh diabaikan sekiranya tidak berkaitan
DISEDIAKAN OLEH:  SITI SAKINAH MOHD ZAKI Penolong Pengurus, PCD 19 Julai 2022	DISEMAK OLEH:  DR. SURIATIZAINAL ABIDIN Timbalan Pengarah, PCD 19 Julai 2022	DISAHKAN OLEH:  MOHAMAD MUZAFFAR ABDUL HAMID Pengarah, PCD 19 Julai 2022

PERINCIAN KOS**BAJET PEMBANGUNAN – SPC 2.0**

Perkara	Kategori	Nilai
HONORORIUM PANEL PENILAI (3 PANEL)	P29404 - HONORARIUM, SAGUHATI DAN HADIAH - ORANG LUAR (CTH: BAYARAN PEMENANG ICC, PIALA, DOORGIFT)	11,000.00
PAKEJ FULL-DAY MEETING (50 PAX) - 2 HARI	P29401 - MAKAN DAN MINUM - ORANG JEMPUTAN / PESERTA KURSUS	20,000.00
SPEAKER & MODERATOR WEBINAR (5 SIRI)	P29105 - PERKHIDMATAN PAKAR RUNDING PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN - FASILITATOR, COORDINATOR, MODERATOR, SPEAKER, PERUNDING	11,000.00
HADIAH PEMENANG ANUGERAH, TROFI, SIJIL	P29404 - HONORARIUM, SAGUHATI DAN HADIAH - ORANG LUAR (CTH: BAYARAN PEMENANG ICC, PIALA, DOORGIFT)	35,000.00
MEDIA RELEASED	P29112 - PERKHIDMATAN PENTERJEMAHAN DAN PENAFSIRAN/PENULISAN	3,000.00
PERSIDANGAN AIF (FORUM & MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH)	P29106 - PERKHIDMATAN PENSYARAH JEMPUTAN	20,000.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		100,000.00

-PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA-